



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN BIL 4/2024
DAN
MAJLIS IFTAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

2 APRIL 2024 (SELASA)

**DEWAN DAMAR SARI,
PUTRAJAYA**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam;

Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim

Ketua Setiausaha;

Yang Berbahagia Dato' Nor Yahati Awang

Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)

Yang Berusaha Puan Norsham Abdul Latip

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)

YBrs. Ustaz Ahmad Fauwaz bin Fadzil

Penasihat Syariah penerbitan Telaga Biru Sdn Bhd dan penceramah jemputan petang ini;

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah NRES;

Pegawai-Pegawai Kanan NRES;

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Bilangan 4 untuk tahun 2024 dan Majlis Iftar NRES pada hari ini.
2. Amalan berbuka puasa secara beramai-ramai ini merupakan suatu amalan yang baik kerana bukan sahaja kita dapat berkongsi rezeki semasa berbuka, malahan kita juga berpeluang mengeratkan hubungan sesama kita. Saya yakin dengan majlis sebegini akan dapat mengukuhkan ikatan perpaduan dan kesatuan di kalangan warga NRES.
3. Syabas juga saya ucapkan kepada pihak urus setia yang telah menjayakan Majlis Iftar NRES dan Perhimpunan Bulanan NRES Bilangan 4/2024. Kesungguhan anda semua dalam menganjurkan majlis hari ini menjadi bukti bahawa bulan Ramadan tidak menghalang untuk umat Islam kekal cemerlang menjaga tahap produktiviti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

AMALAN LESTARI SEMASA RAMADAN

4. Semua warga NRES, termasuklah Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian seharusnya menjadi *role model* kepada amalan-amalan lestari bagi mengurangkan kesan alam sekitar plastik sekali guna, seperti yang telah dianjurkan melalui kempen Gaya Hidup Hijau yang telah dilancarkan Kementerian.

5. Jadi saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada semua warga NRES yang telah berusaha untuk meminimumkan penggunaan plastik sekali guna dalam kehidupan anda sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini.
6. Suka saya mengingatkan supaya kita semua terus konsisten membudayakan amalan-amalan lestari ini dalam kehidupan seharian, agar tidak terhenti setakat bulan Ramadan sahaja.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENJAGAAN ALAM SEKITAR DARI PERSPEKTIF ISLAM

7. Menjaga kesucian dan kebersihan diri serta alam sekitar merupakan tuntutan agama dalam mencapai kesempurnaan iman. Membuang sampah merata-rata, membuang sisa bahan kimia secara terus ke dalam laut dan sungai, melepaskan asap kilang tanpa tapisan, menceroboh hutan dengan berleluasa, aktiviti pembangunan tidak terkawal, pembakaran terbuka dan kerosakan lain merupakan contoh bentuk melampaui batas dan menzalimi hak orang lain sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran.
8. Aktiviti seumpama ini menjadi suatu tabiat dalam kalangan rakyat Malaysia lantas memberi kesan jangka masa panjang kepada alam sekitar. Seperti yang kita lihat, berlakunya peningkatan suhu bumi, pencemaran sumber air, pencemaran udara, banjir besar, tanah runtuh, pembakaran hutan, kepupusan flora dan fauna serta perubahan cuaca tidak menentu yang pastinya menjejaskan kehidupan manusia sejagat.

9. Bersamalah kita menjaga alam sekitar, demi kelestarian bumi dan manusia sejagat di masa akan datang di samping memenuhi tuntutan agama suci ini yang cintakan kesucian dan keamanan. Biar usaha kita sedikit dan kecil seperti berdisiplin membuat pengasingan jenis sampah, namun ianya dicatat oleh malaikat bagi memberatkan timbangan amal soleh.

RAMADAN BUKAN BULAN PEMBAZIRAN

10. Di kesempatan ini juga, saya menyeru seluruh masyarakat supaya tidak menjadikan Ramadan sebagai *the mother of food waste* atau bulan pembaziran.
11. Ini kerana, sisa pepejal khususnya membabitkan sisa makanan yang dikutip ketika Ramadan dilihat semakin meningkat setiap tahun. Pembaziran makanan bukan sahaja isu pembangunan utama, tetapi kesan sisa yang tidak perlu itu menyebabkan kos yang besar kepada iklim dan alam semula jadi. Sisa makanan bukan sahaja menyumbang kepada perubahan iklim, bahkan berkemungkinan diburukkan lagi olehnya.
12. Orang awam khususnya diharap dapat bekerjasama bagi mengelakkan lambakan sisa makanan berlaku antaranya dengan berbelanja sekadar yang perlu dan berkongsi rezeki dengan orang lain.

13. NRES juga melalui Yayasan Hijau Malaysia (YHM) giat menggalakkan cara hidup hijau menerusi alternatif kepada peniaga dan orang ramai untuk melupuskan sisa makanan kepada bentuk baja kompos. Kini, sisa itu bukan lagi sampah tidak bernilai, sebaliknya mempunyai 'masa depan baharu' dan boleh memberi manfaat kepada alam sekitar, apabila diproses menjadi baja kompos. Usaha ini diharap dapat mengurangkan sisa makanan daripada terus dibuang ke dalam tong sampah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENCERAMAH JEMPUTAN

14. Saya dengan sukacita ingin memperkenalkan penceramah jemputan dalam bidang perundangan Islam dan Usul Fiqh di Malaysia yang hadir bersama-sama kita dalam majlis hari ini, iaitu Ustaz Ahmad Fauwaz bin Fadzil.
15. Anak jati Alor Setar, Kedah ini mendapat pengajian tinggi pertamanya dari Universiti Al-Azhar, Mesir, dalam pengajian sarjana muda Syariah Islamiyah pada tahun 2000 sehingga 2004, dan kemudian mendapat sijil profesional berkenaan pengajian fatwa dari *Dar al-ifta al-Misriyyah*, sebuah lagi institusi pengajian Islam yang penting di Mesir, bermula 2005 sehingga 2008. Beliau juga merupakan pemegang Ijazah Sarjana Pengajian Syariah (Usul Fiqh) dari Universiti Malaya.

16. Ustaz Fauwaz kini memberi khidmatnya dengan pelbagai organisasi seperti Penasihat Syariah untuk syarikat penerbitan Telaga Biru Sdn Bhd sejak 2016, Ahli Jawatankuasa Syariah Alliance Bank sejak 2018, dan Pengarah Perhubungan Industri Kolej Dar Al-Hikmah.
17. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ustaz Fauwaz yang sering menerima jemputan untuk menyampaikan ceramah dan kuliah atas kesudiannya meluangkan masa untuk bersama-sama warga NRES di Perhimpunan Bulanan Kementerian hari ini.
18. Semoga kita semua mendapat banyak manfaat dan lebih banyak bermuhasabah diri susulan ceramah yang disampaikan oleh al-Fadil Ustaz Fauwaz petang ini.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

19. Akhir kata, semoga kita semua dapat beristiqamah dalam amalan-amalan baik, tidak kira sama ada untuk kerohanian mahupun untuk alam sekitar yang kita kongsi bersama ini untuk diteruskan ke bulan-bulan seterusnya. Dengan itu, saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Berbuka Puasa.